

Cabaran Keselamatan Kontemporari Tingkatkan Aktiviti Pemerolehan - Zahid Bernama
16 April , 2012

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Cabaran keselamatan kontemporari disusuli teknologi dan pembangunan produk telah meningkatkan aktiviti pemerolehan khususnya di Asia, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya perbelanjaan pertahanan Asia telah memintas negara-negara Eropah dan trend tersebut akan berterusan dengan angkatan tentera di rantau Asia akan meneruskan proses menaiktaraf dan pemodenan.

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Keamanan Antarabangsa Stockholm, Asia merangkumi 40 peratus penerima senjata konvensional, katanya ketika merasmikan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2012 di sini, Ahad malam.

Ahmad Zahid berkata Asia sedang menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat di dunia dan perbelanjaan pertahanan tidak terkecuali.

Ahmad Zahid berkata dengan faktor demografi, geopolitik, ekonomi dan trend ketenteraan beralih ke arah rantau Asia maka "ia merupakan waktu sesuai bagi kami di rantau ini menjadikan saling pelengkap dengan keupayaan masing-masing dalam membangunkan sebuah pasaran yang lebih bersepadu".

Pameran DSA 2012 selama empat hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini telah melakarkan rekod dengan penyertaan lebih 850 syarikat dari 50 negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659219>